

# PIS MENGHARUM

## DI PROGRAM CITRA PUISI POLITEKNIK MALAYSIA 2016

Politeknik Ibrahim Sultan melalui Unit Kebudayaan Kesenian dan Warisan PIS, telah menghantar barisan **Delegasi Budayawan PIS** dalam menyertai **Program Citra Puisi Politeknik Malaysia 2016** pada 18-21 April 2016. Program yang meletakkan pertandingan sebagai pengukur kecemerlangan pelajar dan staff ini adalah anjuran bersama Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah. Program ini merupakan salah satu program kebudayaan, kesenian dan warisan dengan memilih puisi sebagai seni warisan yang diangkat dikalangan generasi muda terutamanya golongan teknokrat untuk dipertandingkan. Selain itu, program ini juga dapat membantu menambah khazanah puisi negara dan menyemarakkan lagi puisi di kalangan generasi muda. Pertandingan ini diadakan bertujuan memulihara kesinambungan, meningkatkan kefahaman serta meneruskan usaha memelihara dan memperkembangkan warisan bangsa. Malahan menyemarakkan seni budaya dalam kalangan pelajar Malaysia yang berbilang kaum selaras dengan usaha kerajaan untuk **Merakyatkan Seni**.

Program ini telah disertai oleh **12 buah politeknik dari** seluruh Politeknik Malaysia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Dalam program ini beberapa kategori telah dipertandingkan antaranya Lagu Puisi, Deklamasi Puisi dan Penulisan Puisi. Delegasi budayawan PIS telah diberi mandat untuk bertanding dalam semua kategori yang dipertandingkan. Delegasi budayawan ini yang terdiri daripada Ahli Kelab Teraju Ujong Tanah (TaUT) dan beberapa pelajar berbakat dan diiringi Dua (2) orang pegawai pengiring merangkap jurulatih iaitu En. Johaini Bin Ibrahim dan Pn. Norhaniza Binti Junid telah diberi tanggungjawab untuk mencapai kecemerlangan dalam program ini.

Alhamdulillah, cabaran yang diberikan kepada Delegasi Budayawan PIS telah berjaya mencapai objektifnya dan mengharumkan nama PIS. Sekalung tahniah dan berkat usaha pelajar terutama dari wakil Kelab TaUT iaitu **kumpulan Ritma Ujong Tanah** yang terdiri daripada Muhammad Izzuddin Bin Md Shukor , Saiful Assaf Bin Johan, Mu'adz Bin Kamal dan Batrisyia Bt Abd Rajak, mereka telah berjaya mengondoli **Johan** bagi **Kategori Lagu Puisi**, sekaligus telah menyandang **Gubahan Lagu Puisi Terbaik** oleh Muhammad Izzuddin Bin Md Shukor dan **Lirik Lagu Terbaik** oleh Saiful Assaf Bin Johan dengan membawa pulang wang bernilai RM300.00,

plak dan sijil. Manakala bagi kategori Deklamasi Puisi bagi kategori **Deklamasi Puisi Lelaki** iaitu deklamatornya adalah Muhammad Noor Fitri Bin Mansor telah mendapat **tempat ke-5** dengan membawa pulang plak dan sijil. Bagi kategori **Pendeklamasi Bukan Melayu** pula iaitu deklamatornya adalah Leun Ming Mei telah berjaya mendapat **tempat ke-4** dengan membawa pulang plak dan sijil. Tahniah dan sekalung penghargaan juga diucapkan diatas usaha peserta Delegasi Budayawan PIS yang lain iaitu Siti Norshafiqah Bt Saparuddin Deklamator bagi kategori Deklamasi Puisi Perempuan dan Siti Aisyah Mohd Khir Hadi Penulis bagi Kategori Penulisan Puisi yang turut bersama memikul tanggungjawab kecemerlangan buat PIS.

Unit kebudayaan, Kesenian dan Warisan PIS, Kelab Teraju Ujong Tanah serta barisan Delegasi Budayawan PIS mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan dan bantuan semua pihak sehingga kejayaan ini tercapa.

### ***UNTUKMU POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN***

**Dapatan Oleh:**

**Muhammad Izzuddin Bin Md Shukor** (Ketua Biro Ritma Ujong Tanah)

**Muhammad Noor Fitri Bin Mansor** ( AJK Biro Peran Ujong Tanah)

**Digarap dan Disediakan Oleh :**

Johaini Bin Ibrahim

(Pegawai Kebudayaan & Penasihat Kelab Teraju Ujong Tanah)

## Senarai Nama Peserta Dan Pegawai Pengiring

Berikut adalah senarai penuh barisan pelajar dan pegawai pengiring yang terlibat dari dalam **Penyertaan Program Citra Puisi Politeknik Malaysia 2016**.

**Tarikh** : 18 – 21 April 2016  
**Hari** : Isnin - Khamis  
**Masa** : 8.00 pagi hingga 11.00 malam  
**Tempat** : Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah

### Senarai Nama Pegawai Pengiring:

BIL	NAMA	JAWATAN /GRED	EMAIL	NO.TEL / HP	CATATAN
1.	En. Johaini Bin Ibrahim	Pegawai Unit Kebudayaan, Kesenian dan Warisan PIS DH44	<i>johaini@pis.edu.my</i>	012 7352093	Pengurus Lagu Puisi & Deklamasi puisi
2.	Pn. Nor Haniza Bt Junid	Penyelaras Unit Kebudayaan, Kesenian dan Warisan PIS. DH44	<i>norhaniza.junid@yahoo.com</i>	013 7013764	Pengurus Deklamasi Puisi & Penulisan Puisi

### Senarai Nama Pelajar:

BIL	NAMA PELAJAR	NO. K/P	NO. PEND	CATATAN
1	Muhammad Izzuddin Bin Md Shukor	950408-01-5441	09DEP13F1008	Lagu Puisi
2	Saiful Assaf Bin Johan	961105-12-6383	09DEP14F1008	Lagu Puisi
3	Batrisyia Bt Abd Rajak	971209-01-6022	09DEV15F2008	Lagu Puisi
4	Mu'adz Bin Kamal	950908-12-5321	09DHK13F1027	Lagu Puisi
5	Muhammad Noor Fitri Bin Mansor	960202-07-5667	09DEV14F1025	Deklamasi Puisi
6	Siti Norshafiqah Bt Saparuddin	951230-10-5646	09DEE13F1011	Deklamasi Puisi
7	Leun Ming Mei	971202-13-5870	09DEP15F1083	Deklamasi Puisi
8	Siti Aisyah Mohd Khir Hadi	941117-05-5182	09BTH15F3017	Penulisan Puisi

## SISIPAN GAMBAR

### Program Citra Puisi Politeknik Malaysia 2016.

**Tarikh** : 18 – 21 April 2016  
**Hari** : Isnin - Khamis  
**Masa** : 8.00 pagi hingga 11.00 malam  
**Tempat** : Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah



Peserta PIS dari kumpulan **Ritma Ujong Tanah** sedang membuat persembahan bagi kategori Lagu Puisi dengan mendendangkan lagu **Janji Buat Kekasih**.



Peserta PIS dinobatkan sebagai **Juara kategori Lagu Puisi** dan sekaligus menyandang **Gubahan Lagu Puisi Terbaik** serta **Lirik Lagu Puisi Terbaik** di Citra Puisi Politeknik Malaysia 2016.



Lagu Puisi yang dipersembahkan oleh kumpulan Ritma Ujong Tanah **telah dinobatkan** sebagai **Lirik Lagu Puisi Terbaik** yang bertajuk Janji Buat Kekasih adalah hasil nukilan **saudara Saiful Assaf Bin Johan**.



Saudara **Muhammad Izzuddin Bin Md Shukor** menerima Piala dan sijil bagi kategori **Gubahan Lagu Puisi Terbaik** dari hasil gubahannya sendiri.

## SISIPAN GAMBAR

### Program Citra Puisi Politeknik Malaysia 2016.

Tarikh : 18 – 21 April 2016  
Hari : Isnin - Khamis  
Masa : 8.00 pagi hingga 11.00 malam  
Tempat : Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah



Deklamator PIS **Muhammad Noor Fitri Bin Mansor** sedang mendeklamasikan sajak bertajuk **Di Bahtera Cinta Warga**, nukilan **Sabariah Bahari** bagi kategori Deklamasi Puisi Lelaki.



Deklamator PIS, saudara **Muhammad Noor Fitri Bin Mansor** menerima hadiah setelah berjaya mendapat **tempat ke-5** dengan membawa pulang plak dan sijil, bagi kategori **Deklamasi Puisi Lelaki**.



Deklamator PIS **Leun Ming Mei** dengan sedang mendeklamasikan sajak bertajuk **Lanteran Zaman**, nukilan **Mahaya Mohd Yassin**, bagi kategori Deklamasi Puisi Bukan Melayu



Deklamator PIS, saudari **Leun Ming Mei** menerima hadiah setelah berjaya mendapat **tempat ke-4** dengan membawa pulang plak dan sijil, bagi kategori **Deklamasi Puisi Bukan Melayu**.

## SISIPAN GAMBAR

### Program Citra Pusi Politeknik Malaysia 2016.

Tarikh : 18 – 21 April 2016  
Hari : Isnin - Khamis  
Masa : 8.00 pagi hingga 11.00 malam  
Tempat : Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah



Deklamator PIS, **Siti Norshafiqah Bt Saparuddin** sedang mendeklamasikan sajak bertajuk **Zikir Merdeka**, nukilan **Jamilah Harun** bagi kategori Deklamasi Pusi Perempuan.



Sesi bergambar para Peserta dengan barisan Juri professional iaitu Roslan Madun, Siso (Koprata) dan, Citra Pusi Politeknik Malaysia 2016.



Sesi bergambar kenangan para peserta delegasi Budayawan dan pegawai pengiring Politeknik Malaysia bersama barisan Juri professional di Citra Pusi Politeknik Malaysia 2016.



Deligasi Budayawan Pelajar dan pegawai pengiring PIS meraikan kejayaan yang dirangkul di Citra Pusi Politeknik Malaysia 2016.

## SISIPAN KARYA PENULISAN PUISI

Program Citra Puisi Politeknik Malaysia 2016.

**TAJUK** : SINAR DI HUJUNG MENDUNG

**NAMA PENULIS** : SITI AISYAH MOHD KHIR HADI

Indahnya dunia  
Udara yang dihirup bagaikan mengerti  
Diri yang penuh cita tinggi  
Terbang bersama sepoi pergi  
Tawa nikmat riang jiwa  
Tari samba lentur juara  
Hancur dalam sendu tak berlagu

Tersingkap, terungkap, tidak terucap  
Bebola mata bersinar cahaya  
Arena impian menjadi saksi  
menggapai bintang di langit  
Tari ditonton irama penuh gaya  
Kini semuanya bagai debu

Syurga dunia berubah pandangan  
Diejek dicerca madahku bungkam  
Mutiaranya bergenang tak siapa mengerti  
Angin menghembus laranya hati  
Seakan memahami perit ku rasa  
Pandanganku kelam rentakku kaku  
Ku toleh kiri, jiwaku kosong berderai  
Ku toleh kanan, aku rebah tersungkur  
Siraakah aku tidak sempurna?

Titip titip bayu menghembus peribadi  
Pancaran mentari menghangat tubuhku  
Aku nekad! Aku bukan yang dulu  
Takkan pernah aku kalah pada ejekan  
Tidak sekali lagi!

Siapa pernah menyangka?  
Gadis yang dulunya pasir kini permata  
Bintang yang dulunya mati kini menyinar  
Gelap yang tiada sempadan kini bercahaya  
Bagaikan sinar di hujung mendung

## SISIPAN KARYA LAGU PUISI

Program Citra Puisi Politeknik Malaysia 2016.

TAJUK : JANJI BUAT KEKASIH  
NAMA PENULIS LIRIK PUISI : SAIFUL ASSAF BIN JOHAN  
NAMA KOMPOSER LAGU : MUHAMMAD IZZUDDIN BIN MD SHUKOR

Dalam dingin sepertiga malam,  
Lirih tasbih memecah hening,  
Alun bait sifatNya dua puluh,  
Suluh rohani yang kontang.

Bertebaran kala nahaarun,  
Sujud tika terbit mentari,  
Jangan dilupa wajib yang lima,  
Beriman pada yang Hakiki.

Biasakah kau dengar pada suaraNya,  
Yang menghidupkan dan mematikan mu,  
Bisakah kau turut segala suruhanNya,  
Yang janjiNya pasti terhidang buat diri mu.

Yang ada akan kekal ada,  
Ya berubah ketentuan dariNya,  
Semboyan bergema sirna semua  
Sang kekasih tetap dipelihara  
JanjiNya

JanjiNya syurgawi, janjiNya Firdausi.